

01 FEB 2002
Mahathir-Berlepas
DR MAHATHIR BERLEPAS KE NEW YORK

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Amerika Syarikat malam ini untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) dan Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia (MIS) di New York.

Beliau berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini dengan pesawat Penerbangan Malaysia pukul 11.55 malam menuju ke London sebelum ke New York.

Yang turut mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir juga dijangka melakukan lawatan kerja ke Antartika selama enam hari dalam tempoh percutian selama sebulan dan dijangka kembali ke tanah air pada 28 Feb.

Dr Mahathir merupakan antara pemimpin utama dunia yang akan memberikan ucapan pada meyuarat WEF yang merupakan perhimpunan tahunan penting bagi para pemimpin dunia bagi membincangkan pelbagai isu dan dasar ekonomi utama.

Mesyuarat yang juga dikenali sebagai Forum Davos bermula dari 31 Jan hingga 4 Feb.

Dr Mahathir akan bertindak sebagai penceramah utama dalam MIS yang dianjurkan bersama oleh syarikat pelaburan Salomon Smith Barney, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Bursa Saham Kuala Lumpur pada Isnin ini.

Penceramah lain ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi BSKL Datuk Mohd Azlan Hashim dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Seri Dr Koh Tsu Koon.

-- BERNAMA
SNS DC FAZ